

Rabu, 3 Jun 2020 | 2:54pm



Gambar hiasan. - Foto NSTP/Asyraf Hamzah

## 3 premis dapat amaran, gagal patuhi SOP

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Ilah Hafiz Aziz  
bhnews@bh.com.my

**KUALA LUMPUR:** Sebanyak tiga premis diberi amaran, manakala 146 lagi diberi nasihat kerana gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), semalam.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata tindakan itu dibuat menerusi pemeriksaan khas ke atas 2,021 premis dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata, hasil pemeriksaan 1,872 daripada keseluruhan premis lain mendapati mereka mematuhi SOP ditetapkan.



"KPDNHEP juga membuat pemantauan harian ke atas 25 jenis bekalan barangan di 973 premis perniagaan termasuk peruncit (76); pemborong (173) dan pengilang (34).

"Secara keseluruhan, bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara secara berterusan, selain mudah diperolehi.

"Pengusaha dan orang ramai digesa supaya sentiasa mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan terutama dalam aktiviti jual beli barangan keperluan harian," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Ismail Sabri berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga melakukan pemantauan di peringkat pengeluaran makanan, selain memberi jaminan bekalan mencukupi.

"Orang ramai dinasihatkan supaya tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan sepanjang musim perayaan kerana ia dijamin mencukupi," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/695867/3-premis-dapat-amaran-gagal-patuhi-sop>

